

02 JUL 1999

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

PENOLONG KANAN PENDAFTAR TARIK DIRI DARIPADA MENDENGAR SAMAN

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi hari ini menarik diri daripada mendengar permohonan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membatalkan saman malu RM100 juta terhadapnya yang dikemukakan oleh bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Norliza Othman mengumumkan keputusan itu di dalam kamar dengan alasan beliau telah merekodkan pengakuan daripada bekas penulis ucapan Anwar, Dr Ahmad Munawar Anees, yang dipenjarakan enam bulan oleh Mahkamah Sesyen pada 19 Sept tahun lepas kerana membenarkan Anwar meliwatnya.

Beliau kemudian menyerahkan semula kes itu kepada hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K. Nathan untuk sebutan pada Selasa.

Norliza sepatutnya mendengar permohonan Dr Mahathir untuk membatalkan saman itu dan juga bagi meminda kenyataan pembelaannya hari ini.

Anwar memfailkan samannya pada 25 Jan mendakwa bahawa perdana menteri secara palsu dan berniat jahat bercakap kepada wartawan tempatan dan asing pada satu persidangan berita di Jabatan Perdana Menteri menuduh beliau melakukan perbuatan tidak bermoral.

Anwar mendakwa bahawa Dr Mahathir menuturkan perkataan-perkataan itu menyedari bahawa ia akan disiarkan di peringkat negara dan antarabangsa.

Dalam kenyataan pembelaannya yang difailkan pada 22 Mac, Dr Mahathir menegaskan bahawa perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu disiarkan atas sifat beliau sebagai perdana menteri Malaysia berdasarkan perlindungan bersyarat.

Katanya perkataan-perkatann itu disiarkan semasa membincangkan perkara-perkara mengenai kerajaan dan politik yang berkaitan dengan Anwar berhubung kelayakannya bagi jawatan-jawatan yang dipegangnya dan selepas siasatan dijalankan terhadapnya.

Anwar, dalam jawapannya berkata perdana menteri tidak boleh bergantung kepada pembelaan berdasarkan perlindungan bersyarat kerana Dr Mahathir ketika menuturkan dan menyebabkan perkataan-perkataan itu disiarkan dan disiarkan semula, telah bertindak secara palsu dan berniat jahat.

Selain menuntut ganti rugi, kos dan relief lain yang difikirkan patut oleh mahkamah, Anwar memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada membuat apa-apa lagi kenyataan yang memfitnahnya.

Anwar, yang dipecat daripada kabinet pada 2 Sept tahun lepas kini menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi terhadap tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis mengenai dakwaan salahlaku seks terhadapnya.

Beliau sedang menghadapi satu lagi perbicaraan mengenai tuduhan liwat.

-- BERNAMA

JA RON